

PEMERIKSAAN PREMIS BAGI TUJUAN PERAKUAN BOMBA

8 MEI 2023

Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
KAMPUS KEDAH



Pemeriksaan premis bagi tujuan perakuan bomba perlu diadakan pada setiap tahun di bangunan Perpustakaan Sultan Badlishah. Ini bertujuan untuk mendapat sijil perakuan bomba yang tamat pada 19 April 2023. Untuk pemeriksaan premis tahun ini telah diadakan pada 8 Mei 2023, hari Isnin bermula jam 10.30 pagi. Pemeriksaan tersebut dikendalikan oleh pegawai bomba dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah. Skop pemeriksaan melibatkan ruang dalaman dan ruang persekitaran yang melibatkan kemudahan dan alat kawalan kebakaran seperti panel kontrol dan rumah pam.

Sijil perakuan bomba akta perkhidmatan Bomba 1988 adalah bertujuan untuk memastikan bangunan di duduki dan beroperasi berada dalam keadaan selamat termasuk mematuhi kehendak kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Proses pemeriksaan premis telah dikendalikan oleh 2 pegawai bomba dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah, Alor Setar Kedah. Dalam proses pemeriksaan tersebut turut dihadiri oleh wakil dari Perpustakaan Sultan Badlishah, wakil dari syarikat kontraktor penyelenggaran alat kawalan kebakaran dan wakil dari Bahagian Fisiliti, UiTM Cawangan Kedah. Aktiviti pemeriksaan tersebut selesai dijalankan pada jam 12.30 tengahari.

